

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L  
ARULANANDRAM [KUALA LANGAT]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan berapa bilangan dan kos telaga tiub yang telah dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu dari tahun 2016-2020 dan bagaimana pembinaan telaga tiub telah membantu rakyat menghadapi masalah bekalan air bersih. Nyatakan kawasan-kawasan yang terlibat dan kos penyelenggaraannya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuala Langat, sebanyak **207 buah** telaga tiub telah dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (tahun **2016-2020**) melalui Projek Pembangunan Sumber Air Tanah Di Kawasan-Kawasan Bermasalah Bekalan Air Bersih (*Water Stress Area*). Projek yang melibatkan kos sebanyak **RM 14 juta** tersebut telah memberi manfaat kepada **lebih 117,000 orang pengguna** di kawasan-kawasan yang menghadapi masalah bekalan air di beberapa lokasi di Malaysia seperti di Sarawak, Sabah, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan dan Selangor. (senarai lengkap seperti di **Lampiran 1**).

2. Untuk makluman Yang Berhormat, kos yang terlibat adalah lebih rendah berbanding kos penyediaan bekalan menerusi sumber air permukaan dan ianya dapat disediakan dalam tempoh waktu yang singkat. Dari segi penyelenggaraan, anggaran kos tahunan bagi setiap satu telaga tiub pula adalah di antara **RM6,500 hingga RM10,000**

**setahun (Lampiran 2)** bergantung kepada keperluan dan lokasi telaga tiub tersebut. Pembinaan telaga-telaga tiub ini dilaksanakan sama ada oleh pihak JMG sendiri ataupun secara *outsourcing*.

**Tuan Yang di-Pertua,**

3. Pembinaan telaga tiub sebagai sumber bekalan air bersih alternatif dapat mengatasi masalah bekalan air bersih di kawasan terpencil dan kawasan-kawasan bermasalah bekalan air dengan kepadatan penduduk/pengguna yang rendah seperti di kawasan pedalaman, kawasan tiada bekalan air terawat, kawasan sering mengalami gangguan bekalan air dan penempatan baharu. Sebagai contoh pembinaan telaga tiub di perkampungan orang asli Kuala Koh, Kelantan yang telah memberi manfaat kepada lebih 200 pengguna. Telaga tiub yang dibina bersama dengan **Sistem Penapisan Air Ringkas (SPATR)** ini membolehkan sumber air diguna terus oleh penduduk.

Sistem ini merupakan satu proses penapisan air bawah tanah secara berperingkat tanpa melibatkan penggunaan bahan-bahan kimia. Air akan ditapis melalui 2 peringkat pemprosesan iaitu Penapisan Primer yang melibatkan Proses Pengudaraan, Proses Penyahbauan, Proses Pengeapan serta Proses Penapisan sebelum dikumpulkan ke dalam Tangki Transit. Seterusnya Penapisan Sekunder yang melibatkan Proses Penapisan Kolum dan Membran dan disimpan di tangki simpanan sebelum dihantar kepada pengguna.

Pembangunan sumber air bawah tanah juga dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber air permukaan yang kadang kala terjejas disebabkan oleh pencemaran. Selain itu, fenomena kemarau panjang serta banjir juga menyebabkan bekalan air bersih daripada sumber air permukaan boleh terganggu.

Sekian, terima kasih.